



**IKUTI** pengalaman budak kampung diasuh jadi pemain bola sepak profesional di Kampung Janda Baik, dalam edisi iBH BERITA HARIAN ke-49

▪ **Notis cabar mesyuarat Majlis Peguam**

▶ NASIONAL 6

▪ **Program JAKIM dekati lesbian, gay**

▶ NASIONAL 10

▪ **Ras Adiba disaman RM3.2 juta**

▶ NASIONAL 12

▪ **Projek jalan 'nafas baru' kontraktor kecil**

▶ NASIONAL 13

# Senator Amerika puji Najib

## Kepemimpinan PM dikagumi tingkat hubungan baik KL-Washington

Oleh Nazura Ngah  
nazura@bharian.com.my


**K**UALA LUMPUR: Senator Amerika Syarikat (AS), John McCain memuji kepemimpinan Datuk Seri Najib Razak menerusi laman sosial Twitter beliau ketika lawatan ke negara ini minggu lalu.

Beliau yang memiliki lebih 1.7 juta rakan Twitter menyebut: "Pertemuan hebat dengan Perdana Menteri, (Datuk Seri) Najib (Razak) di Malaysia - tokoh reformis yang dikagumi dalam usaha meningkatkan hubungan baik AS-Malaysia."

McCain menyifatkan Najib tokoh



Najib Razak



John McCain

pembaharuan yang berjaya meningkatkan hubungan baik kedua-dua negara.

Senator dari Arizona itu bersama

Joseph Lieberman, Senator dari Connecticut, berada di negara ini atas jemputan Majlis Perdagangan Kuala Lumpur.

Pada sidang media di akhir lawatan itu, kedua-dua senator memuji Malaysia yang disifatkan sebagai negara Islam contoh yang mengamalkan demokrasi tetapi berjaya mencapai kemajuan membanggakan, terutama dari segi pembangunan ekonomi.

Menurut mereka, di bawah kepemimpinan Najib, hubungan dua hala dengan AS semakin baik, selain negara mencapai kemajuan signifikan dalam politik dan pembangunan sosial.

McCain dilaporkan berkata, Malaysia boleh menjadi model negara Islam yang berjaya mencapai kemajuan selepas menerima kebebasan hak dan demokrasi.

ROSELA ISMAIL | BERITA HARIAN



## Maya Karin rai Hari Alam Sekitar

Pelakon Maya Karin turut serta menjayakan sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia anjuran JEEP dengan menunjukkan kemeja-T bersama wakil syarikat Jordone serta Persatuan Pencinta Alam Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

Sambutan itu bagi menimbulkan kesedaran orang ramai pentingnya penjagaan alam sekitar untuk kehidupan lebih lestari.

# MCA terus usaha tarik sokongan undi Cina

**K**UALA LUMPUR: Presiden MCA, Datuk Seri Dr Chua Soi Lek, berkata kajian Merdeka Center yang menunjukkan kemerosotan sokongan masyarakat Cina terhadap Datuk Seri Najib Razak tidak akan mempengaruhi usaha mendapatkan semula sokongan mereka.

Beliau berkata, kemerosotan itu tidak bermakna MCA perlu 'tutup kedai' kerana sesebuah parti politik akan mengalami turun naik

selepas pilihan raya umum berlangsung.

Soi Lek berkata demikian ketika diminta mengulas kajian Merdeka Center bahawa hanya 37 peratus pengundi Cina berpuas hati dengan kepemimpinan Perdana Menteri, berbanding 56 peratus, Februari lalu, pada sidang media selepas majlis penyampaian bantuan Yayasan Perubatan IMCA di Wisma MCA di sini semalam.

Hadir sama, Timbalan Presiden-

nya, Datuk Seri Liow Tiong Lai dan Naib Presiden, Datuk Seri Dr Ng Yen Yen.

Pada majlis itu, Soi Lek menyampaikan bantuan perubatan bernilai lebih RM140,000 kepada 16 pesakit daripada keluarga berpendapatan rendah.

Ditanya mengenai kajian itu akan menyebabkan MCA terpaksa bekerja keras untuk mendapatkan sokongan masyarakat Cina menjelang PRU-13, Soi Lek berkata, pihaknya

akan terus berusaha mendapatkan sokongan mereka semula.

"Kita tidak bertindak seperti DAP yang mengandaikan bahawa semua masyarakat Cina akan menyokong mereka. Kita tidak akan melakukan perkara sama," katanya.

Mengenai bantuan perubatan, katanya, sebanyak RM6.7 juta sudah disalurkan kepada 1,073 pesakit yang terdiri daripada 852 kaum Cina, India (149) dan Bumiputera (72).

## Anwar yakin menang majoriti mudah

**K**UALA LUMPUR: Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim yakin pakatan pembangkang mampu memperoleh kemenangan majoriti mudah pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) nanti.

Katanya, melalui PRU-12 pada 2008 membuktikan keupayaan pembangkang menembusi kubu Barisan Nasional (BN) di Semenanjung dengan menawan lima negeri kecuali Johor, Melaka dan Terengganu.

"Saya sendiri tidak menjangkakan kami mampu mengambil alih lima negeri, melainkan Johor atau Melaka tetapi tiada kajian dibuat yang menunjukkan kami akan mengalami prestasi buruk di Johor berbanding (pilihan raya) pada 2008," katanya pada majlis makan malam bersama Kelab Koresponden Asing Malaysia (FCCM) di sini malam tadi.

Menjawab soalan mengenai pemimpin kedua pembangkang, Anwar berkata, keputusan secara musyawarah memilih beliau untuk mempengerusikan mesyuarat pakatan berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, nasihat DAP Lim Kit Siang, Presiden PKR, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail dan Presiden PAS Datuk Seri Hadi Awang sering bergilir-gilir mempengerusikan beberapa mesyuarat lain.

## Sembilan peserta perdengar bacaan

**J**OHOR BAHRU: Sembilan peserta memperdengarkan bacaan pada malam kedua Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-55, di Pusat Konvensyen Antarabangsa PERSADA Johor, di sini, malam tadi.

Peserta berkenaan adalah qari Kedah, Mohd Fakhru Radhi Khamarudin, Mohd Fahmi Ashraf Razali (Perak), Wan Ahmad Tirmizi Wan Sulaiman (Melaka), Zul-Hasyimi Mohamed Yunus (Pahang) dan Tuan Mohd Hafas Ali (Terengganu).

Qariah pula membabitkan peserta Kedah, Marzian Mohd Deli, Sahrom Othman (Selangor), Cik Nur Faten Izzati Rablin (Sabah) dan qariah Sarawak, Roziah Ayup.

Seramai 27 qari dan qariah menyertai Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-55 kali ini yang berlangsung kelmarin hingga 8 Jun ini.